



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN MALAYSIA  
(MINISTRY OF AGRICULTURE AND FOOD INDUSTRY MALAYSIA)  
WISMA TANI  
NO. 28, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4  
62624 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8870 1373/1378

Telefax : 03-8888 6906

E-mail : [pro@moa.gov.my](mailto:pro@moa.gov.my)

Homepage : <http://www.moa.gov.my>

**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

**TINJAUAN YB MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN BAGI MEMANTAU  
SITUASI BEKALAN MAKANAN DI PASARAN**

- 1) YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan telah membuat tinjauan ke MyFarm Outlet di Putrajaya dan juga kilang beras YHL Trading Sdn Bhd di Semenyih bagi memastikan bekalan makanan dalam pasaran mencukupi.
- 2) Bekalan makanan bagi kumpulan makanan utama termasuk beras, daging, ikan, sayur-sayuran dan buah-buahan berada pada tahap stabil dan mencukupi. Bekalan ini ditampung melalui pengeluaran domestik, import dan stok bekalan. Kedudukan stok beras dalam pasaran setakat ini pada tahap 500,000 tan metrik.
- 3) Kerajaan melalui senarai pengecualian di bawah perintah kawalan pergerakan membenarkan aktiviti pengeluaran, pemprosesan dan pengedaran termasuk eksport dan import diteruskan seperti biasa, sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan daripada 18 sehingga 31 Mac 2020 bagi memastikan kelangsungan ekosistem rantaian bekalan makanan.
- 4) Justeru, proses pembekalan daripada pemborong kepada peringkat peruncitan masih berjalan seperti sedia kala dan orang ramai dinasihatkan supaya tidak membuat *panic buying* dan *stock-piling* bahan makanan secara berlebihan.
- 5) Penyampaian perkhidmatan Kementerian kepada kumpulan sasar juga tetap diteruskan seperti biasa terutama di barisan hadapan seperti perkhidmatan pengembangan, biosekuriti, pemeriksaan dan kuarantin makanan.
- 6) Kementerian akan terus memantau dan bekerjasama dengan pihak pengeluar dan pengedar bagi memastikan situasi bekalan makanan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan bagi memastikan keperluan bekalan makanan tersedia.

**19 MAC 2020**

**KEMENTERIAN PERTANIAN  
DAN INDUSTRI MAKANAN**

Blok 4G1, Wisma Tani, Persiaran Perdana,  
Presint 4, 62624, Putrajaya.  
[www.moa.gov.my](http://www.moa.gov.my) 03-8870 1000